



# INFO ICT JULAI 2017

## Cybersquatting Setingan Siber



Pendaftaran nama domain atau URL menggunakan nama organisasi atau syarikat yang terkenal dengan tujuan untuk dijual semula kepada organisasi atau syarikat tersebut.

## Internet of Thing Internet Benda



Benda yang memiliki kemampuan untuk menghantar maklumat melalui jaringan Internet tanpa memerlukan interaksi manusia ke manusia atau manusia ke komputer untuk memudahkan kehidupan manusia.

## Concatenated Key Kunci Jerait



Kunci yang terdiri lebih daripada satu butiran data yang digunakan untuk mengenal pasti rekod dalam pangkalan data.

## Propagated Error Ralat Terambat



Ralat dalam proses yang akan mempengaruhi operasi seterusnya dan menyebabkan ralat berkembang.

## Dumb Terminal Terminal Dunggu



Terminal yang hanya berupaya menerima dan menghantar data daripada komputer tetapi tidak boleh memproses data.

## Groufie Swafoto Berkumpulan



Gambar tiga orang atau lebih yang diambil sendiri dengan menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.

## Viral >> Tular

Keadaan sesuatu yang merebak atau diedarkan dengan cepat dan meluas menerusi alam maya, daripada satu pengguna Internet kepada yang lain.



## Trending Sohor Terkini

Suatu yang muncul sebagai Popular, disebut secara meluas dan dibincangkan dalam ruang maya atau Internet. Contohnya laman media sosial.



## Cyberphobia Siber Fobia

Rasa cemas terhadap komputer.

